**LATIHAN TATABAHASA TAHUN 4**

**A.** Lengkapkan ayat berikut dengan **kata ganti nama diri** yang betul.

| Kita | kalian | Beliau | Beta | awak | Mereka |
|---|---|---|---|---|---|

1. "_______________ mahu kejadian itu disiasat dengan segera," titah Sultan Mansor.

2. "Bilakah __________________hendak melancong ke Langkawi ?" tanya Mak Cik Aminah kepada Asmah dan kawan-kawannya.

3. "____________________ akan bertolak sekarang ?" tanya Gilbert kepada rakannya.

4. Encik bertugas sebagai guru. ________________ telah dianugerahi Sijil Anugerah Cemerlang kerana kepakarannya.

5. "Saya menjemput ____________________ datang ke rumah pada hari Ahad ini," kata Kuan Meng kepada Aaron.

6. Ini warung Pak Mahmud dan anaknya. _________________ telah lama berniaga di sini.

**B.** Pilih **kata ganti nama diri** yang betul bagi melengkapkan ayat berikut.

1. "Saya / Beta akan berlepas ke Sarawak pada petang ini," kata Encik Johan
2. Pengarah syarikat itu amat berdedikasi. Dia / Beliau selalu menepati masa ketika menjalankan tugas.
3. Mereka / Kamu sedang berlatih bersungguh-sungguh kerana akan menyertai pertandingan bola sepak peringkat daerah tidak berapa lama lagi.
4. Kalian / Saya mesti belajar dengan bersungguh-sungguh," pesan Cikgu Ali kepada murid-muridnya.
5. Anis merupakan anak yang berdikari. Aku / Dia melakukan semua kerja rumah tanpa dipaksa oleh sesiapa.
6. Aku / Kamu hendak ke mana ?" tanya Mei Ling kepada adiknya.

LIVEWORKSHEETS

**C.** Pilih **kata nama am** yang sesuai dan betul.

1. Beberapa ekor ____________________ (kambing ; gajah ; katak) telah disembelih untuk jamuan perkahwinan kakak saya.
2. Sebuah keluarga maut akibat termakan _______________ (rumput ; cendawan ; pokok) yang dikutip di tepi hutan di hujung kampung itu.
3. Ibu telah membeli _________________ (almari ; kasut ; baju kurung) baharu di Kedai Perabot Jaya.
4. Kami mengadakan latihan drama di __________________ (padang ; stor sukan ; dewan) sekolah selepas tamat persekolahan.
5. Abang saya mengambil jurusan kejuruteraan komputer di salah sebuah _____________ (kilang ; universiti ; pejabat) tempatan yang terkenal.
6. Murid-murid dinasihatkan supaya makan di _______________(sekolah ; kantin ; padang) setiap kali waktu rehat.
7. Ibu menjual nasi lemak di ________________ (bilik ; kilang ; stor) tempat ayah bekerja.
8. Cikgu mengarahkan murid-murid memakai _______________ (kasut ; baju ; songkok) ketika berjalan di atas tanah berbatu itu.

LIVEWORKSHEETS